

16 JAN 1997

Mahathir-Teleperubatan

MALAYSIA AKAN MENJADI PUSAT SERANTAU UNTUK TELEPERUBATAN

Oleh: Salmly Hashim

PALO ALTO, (California), 16 Jan (Bernama) -- Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi pusat serantau bagi teleperubatan dengan sumber biogenetik dan pengetahuan luasnya dalam etnik perubatan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Universiti Stanford di sini, pada Rabu.

"Dengan pengetahuan perubatan Cina, Ayurvedic, Melayu serta sumber-sumber biogenetik yang luas, kita merupakan pusat yang asli," katanya kepada kira-kira 300 pelajar dan pelabur yang berpotensi di bandar ini berhampiran San Francisco.

Teleperubatan adalah salah satu daripada program komputer yang akan diperkenalkan dalam fasa pertama pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir kini berada dalam rangka lawatan seminggu ke California untuk memperkenalkan projek MSC itu kepada pelabur Amerika yang berpotensi di Los Angeles dan Lembah Silikon.

Dalam ucapan yang sama dengan yang dibuat di Universiti California di Los Angeles (UCLA) Selasa lepas, Dr. Mahathir berkata klinik luar bandar boleh dihubungkan dengan pakar perubatan di Malaysia dan juga dengan klinik-klinik terbaik di seluruh dunia dengan menggunakan teleinstrumen untuk menjalankan diagnosis, terapi dan juga pembedahan.

"Doktor tidak lagi perlu berada dalam bilik yang sama dengan pesakit dan undang-undang siber kita yang baru akan menjadikannya tidak salah daripada segi undang-undang," katanya.

Beliau berkata teleperubatan akan membolehkan maklumat utama dihantar menggunakan peralatan elektronik seperti stetoskop elektronik yang dikendalikan oleh jururawat dan juruteknik.

Imej itu boleh dilihat dan dibandingkan dengan pesakit lain oleh doktor-doktor terbaik dunia dan data mengenai berjuta-juta pesakit juga telah berada dalam komputer dunia.

Dalam sesi soal jawab selepas ucapan beliau mengenai MSC, Dr Mahathir berkata para doktor di seluruh dunia yang terlibat dalam teleperubatan akhirnya akan mencari jalan bagaimana mengenakan bayaran bagi nasihat dan pendapat mereka melalui teleperubatan.

"Para doktor perlu mencari persefahaman (mengenai isu itu) jika tidak [teleperubatan] mungkin tidak menjadi kenyataan," kata beliau.

Beliau menyatakan keyakinannya bahawa Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) akan menyokong teleperubatan untuk memperbaiki taraf kesihatan di rantau ini.

Mengenai persaingan di kalangan negara-negara di rantau ini khasnya daripada Singapura untuk menjadi pusat serantau bagi industri IT, Dr Mahathir berkata, negara-negara di rantau itu "bersaing setiap masa". Ada kala kita bekerjasama dan adakala kita bersaing."

Beliau berkata negara-negara Asean maju daripada segi ekonomi kerana "kita bersaing dan belajar daripada kesilapan kita". Kita sedia bersaing dengan Singapura."

Mengenai Internet, Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia telah bersetuju supaya tidak menapis Internet kerana ia sukar dilakukan.

Bagaimanapun, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggunakan bahan-bahan daripada Internet yang boleh menyinggung perasaan penduduk tempatan. Mereka yang mengedarkan bahan-bahan sensitif atau yang menimbulkan perasaan benci yang seterusnya mencetuskan keganasan di masyarakat majmuk Malaysia akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang di Malaysia, kata beliau.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan empat mata dengan Bill Gates, pengerusi Microsoft. Beliau juga mengadakan pertemuan bersama dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Netscape, James Barksdale dan CEO Cisco, John Chambers.

Dr Mahathir juga mengadakan majlis makan bagi delegasi Malaysia, penuntut-penuntut Malaysia serta ahli-ahli perniagaan Amerika di Lembah Silikon.

Dr Mahathir mengulangi perlunya Malaysia mara ke era teknologi maklumat supaya negara dapat mencapai matlamatnya untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Beliau juga menjelaskan keperluan perlindungan harta intelek dan undang-undang siber untuk melindungi pengguna dan perniagaan.

"Tanpa undang-undang kita tidak boleh menjalankan perniagaan, tetapi jika ada banyak peraturan pun susah juga. Kita perlu mencari jalan pertengahan," kata beliau.

Parlimen Malaysia dijangka mendebatkan undang-undang siber Malaysia kelak.

-- BERNAMA

SH PR